

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (WILAYAH)

TARIKH: 16 OGOS 2017

MUKA SURAT: 30

[FOTO KHAIRUNISAH LOKMAN/BH]



**Sazali (empat dari kanan)** menyempurnakan pelancaran Bulan Kemerdekaan 2017 di Bukit Beruang, semalam.

## MPHTJ pasang 2,000 Jalur Gemilang

**Melaka:** Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) memasang 2,000 Jalur Gemilang di sekitar kawasan pentadbirannya dalam usaha menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan penduduk tempatan.

Yang Dipertuanya, Datuk Murad Husin, berkata pihak berkuasa tempatan (PBT) itu juga mengagihkan Jalur Gemilang kepada pemimpin masyarakat di beberapa zon kawasan.

Katanya, usaha itu diharap dapat mewujudkan semangat cintakan negara kerana tidak ramai penduduk di negeri ini, khususnya generasi muda, berasa kepahitan

hidup sewaktu kemerdekaan negara diperjuangkan.

"MPHTJ bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga akan menjalankan kempen memasang Jalur Gemilang dari rumah ke rumah dalam usaha menyemarakkan lagi semangat kemerdekaan.

"Selain itu, pihak majlis turut menyasar pemasangan satu bendera untuk satu premis sebagai tanda sokongan terhadap usaha kerajaan membangunkan negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas program pelancaran Bulan Kemerdekaan 2017 yang disempurnakan Timbalan EXCO Perumahan, Ke-

rajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Sazali Muhd Din di Medan Selera Taman Bukit Melaka, Bukit Beruang, di sini, semalam.

Pada majlis itu, MPHTJ mengedarkan kira-kira 800 Jalur Gemilang kepada setiap Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) bagi kawasan pentadbiran MPHTJ.

Yang turut dilancarkan, pertandingan memasang Jalur Gemilang bagi kategori bangunan kerajaan, swasta, taman, kampung dan individu.